

12 DEC 2002

Koh-MCA

MCA PERLU GUNAKAN SALURAN YANG BETUL DAPATKAN MAKLUMAT, KATA KOH

BUTTERWORTH, 12 Dis (Bernama) -- Jawatankuasa Disiplin MCA perlu menggunakan saluran yang betul jika mahu mendapatkan sebarang maklumat berhubung isu dua anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada parti itu, yang berkecuali daripada mengundi menolak usul pembangkang pada persidangan dewan itu.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri hari ini berkata jawatankuasa itu sepatutnya merujuk perkara itu kepada Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat untuk mendapatkan maklumat berkenaan.

"Mengikut prosedur, jika jawatankuasa itu mahu tahu sebarang maklumat, mereka patut merujuk kepada Setiausaha Agung BN dan beliau (Mohamed) boleh mengarahkan BN Pulau Pinang untuk memberikan maklumat yang diperlukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan syarikat MS Elevators Sdn Bhd, di sini.

Beliau berkata jika permintaan MCA itu dibuat menggunakan saluran yang betul, maklumat yang dikehendaki boleh diperolehi dengan cepat dan BN Negeri bersedia memberikan sebarang maklumat tambahan yang lebih terperinci kepada BN pusat jika perlu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas surat Pengerusi Jawatankuasa itu, Datuk Kam Woon Wah yang mahu mendapatkan maklumat lanjut berhubung kes dua ADUN itu dan lapan lagi wakil rakyat BN yang tidak hadir semasa pengundian.

Koh berkata, semua maklumat berhubung isu berkenaan telah dinyatakan dalam laporannya dan juga whip BN, Datuk Dr Hilmi Yahaya yang dihantar kepada Pengerusi BN pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, jika MCA menggunakan saluran yang betul, pihaknya juga tidak keberatan untuk menghantar salinan laporan yang diberi kepada ibu pejabat BN kepada jawatankuasa itu.

Beliau juga menyifatkan tindakan jawatankuasa itu memberitahu pihak akhbar terlebih dahulu mengenai surat yang dihantar kepadanya (mengenai kes dua ADUN itu) sebelum beliau menerima surat berkenaan sebagai tidak mesra.

"Ini urusan dalaman MCA dan orang luar tidak perlu campur tangan kecuali jika mereka membuat permohonan kepada ibu pejabat BN, yang kemudiannya boleh menghubungi BN negeri untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Sementara itu, Setiausaha BN Negeri, Datuk Seri Khalid Ahmad Sulaiman dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini berkata pihaknya telah menghantar surat hari ini kepada Kam untuk memberitahunya bahawa jawatankuasa itu sepatutnya memajukan surat beliau mengikut saluran parti.

Khalid berkata, surat itu sepatutnya dihantar oleh Setiausaha Agung MCA kepada Setiausaha Agung BN.

Bagaimanapun, katanya, segala maklumat mengenai isu berkaitan yang diperlukan telah dinyatakan dalam laporan pengerusi BN Negeri dan Whip parti kepada ibu pejabat BN.

"Sekiranya beliau (Kam) memerlukan maklumat yang lebih terperinci, BN Pulau Pinang sedia memberi dengan segera kepada Ibu Pejabat BN," katanya.

Koh menjelaskan bahawa beliau telah memberi arahan pada mesyuarat ADUN BN sebelum persidangan Dewan supaya usul itu ditolak malahan dua daripada ADUN BN, Lye Siew Weng (MCA-Ayer Itam) dan Teng Chang Yeow (Gerakan-Padang Kota) diminta membahaskan penolakan usul itu.

Beliau berkata, kenyataan Lim Chien Aun (MCA-Bayan Lepas), seorang

daripada ADUN yang tiada dalam Dewan ketika pengundian dijalankan, yang dilaporkan hari ini bahawa semua ADUN BN mesti menolak sebarang usul daripada pihak pembangkang, jelas menunjukkan pendirian BN.

Ini menunjukkan bahawa ADUN lain faham tanggungjawab mereka untuk menyokong keputusan BN dan sepatutnya tidak timbul masalah bahawa mereka tidak tahu tentang arahan menolak usul itu.

Beliau meminta Jawatankuasa Disiplin MCA supaya menyoal kesemua 11 wakil rakyat mereka untuk mengetahui mengenai perkara ini.

"Empat daripada ADUN MCA telah mengundi bersama wakil-wakil BN yang lain untuk menolak usul itu dan saya tidak faham mengapa kedua-dua ADUN itu (Lim Boo Chang - Datuk Keramat dan Tan Cheng Liang - Jawi) tidak memahami keadaan itu sedangkan mereka merupakan wakil rakyat yang telah dua penggal berada di dewan itu," katanya.

Beliau juga yakin bahawa kesemua ADUN yang tidak hadir semasa undian dijalankan akan menyokong pendirian BN menolak usul pembangkang itu.

Koh turut menasihatkan jawatankuasa itu supaya membaca dan memahami kandungan dua buah artikel yang masing-masing ditulis oleh Datuk V.K.Chin di dalam akhbar the Star pada tahun 1996 dan bekas hakim, Tan Sri Harun Hashim dalam New Straits Times baru-baru ini berkaitan dengan isu demokrasi berparlimen.

Katanya, artikel itu boleh dijadikan panduan dalam menangani masalah itu dengan lebih berkesan.

-- BERNAMA

ZU NMO